



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**

Tujuan berkerjaya

(bahagian 1)

Setiap pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) pasti menanam hasrat mahu bekerja selepas memperoleh ijazah atau diploma masing-masing, apatah lagi, setelah bersusah-payah belajar bertahun-tahun dari peringkat sekolah sehinggalah ke universiti.

Tentunya pelajar mengimpikan pekerjaan yang boleh menjamin kehidupan diri dan keluarga sesuai dengan kelulusan yang ada, namun ada faktor tertentu yang mungkin mempengaruhi graduan untuk memilih bekerja.

Menurut Crow (1967) terdapat lima faktor mempengaruhi seseorang menceburi alam pekerjaan. Faktor-faktor itu ialah:

- 1 Keupayaan, minat dan sifat peribadi individu.
- 2 Mengetahui pasti bidang pekerjaan yang ada dan syarat-syarat yang dikehendaki.
- 3 Mempunyai kebolehan dalam sesuatu pekerjaan.
- 4 Mempunyai darjah minat yang tinggi terhadap aktiviti pekerjaan.
- 5 Mempunyai keupayaan untuk mendapatkan kepuasan daripada pekerjaan yang diceburi.

Dengan kata lain, faktor yang menarik seseorang

itu bekerja disebabkan oleh minat yang mendalam, kelayakan akademik atau profesional, personaliti yang sesuai dengan pekerjaan, berkebolehan dan berkemahiran tertentu selain dapat memenuhi kepuasan diri hasil daripada pekerjaan yang dilakukan.

Apa yang pasti, setiap individu mempunyai tujuan dan matlamat tertentu membatinkan diri dalam pekerjaan yang dipilih. Lazimnya, graduan yang bekerja ingin mencari sumber pendapatan tetap bagi menyara diri dan keluarga atau, mungkin atas pelbagai tujuan lain.

Berdasarkan analisis dapat dirangkumkan bahawa setiap individu dipengaruhi beberapa objektif apabila menceburi sesuatu pekerjaan. Antaranya, mencari sumber pendapatan, minat, keupayaan, kepuasan atau untuk mencari kedudukan dalam masyarakat.

“**SUMBER PENDAPATAN AMAT PENTING BAGI MEMENUHI TUNTUTAN HIDUP DAN MENJALANI KEHIDUPAN SEHARIAN SESEORANG DENGAN WANG GAJI**”

Mencari sumber pendapatan

Faktor ini adalah yang paling kuat dalam menarik graduan memasuki dunia pekerjaan. Setiap individu yang ada keupayaan dan kelayakan

harus berkerja untuk mencari sumber pendapatan bagi menyara diri, ibu bapa dan keluarga.

Sumber pendapatan amat penting bagi memenuhi tuntutan hidup dan menjalani kehidupan seharian seseorang. Dengan wang gaji graduan boleh berbelanja untuk keperluan mengikut pendapatan yang diperolehi.

Selain keperluan hidup, jika mempunyai lebih pendapatan, graduan boleh menyimpan, menabung, melabur atau membeli hartanah. Walaupun wang itu bukan segala-galanya, pada masa ini segala-galanya memerlukan wang. Dengan kata lain, wang sangat penting dalam menjalani kehidupan normal pada masa kini.

Memenuhi minat

Graduan mencari pekerjaan kerana memenuhi minat peribadi yang telah lama ditanam, mungkin sejak di bangku sekolah. Memperoleh pekerjaan yang menepati minat ialah satu kejayaan awal dalam hidup mereka.

Jika mendapat pekerjaan yang bukan menjadi minat tentunya akan memberi tekanan kepada diri sendiri ketika melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Bagaimanapun, ada individu yang minat terhadap pekerjaannya wujud selepas dia melaksanakan tugas yang dilakukannya itu.

Apa yang penting ialah faktor minat terhadap kerja perlu ada pada setiap individu. Faktor ini mampu membawa seseorang itu berjaya dalam kerjaya yang diceburi.

Menguji kebolehan

Selain minat yang mendalam terhadap sesuatu pekerjaan yang dilakukan, seseorang itu bekerja bertujuan menguji kebolehan dan keupayaan yang ada pada dirinya. Kebolehan dan keupayaan ini mungkin lahir daripada bakat semula jadi. Mungkin juga dipupuk ketika menimba ilmu pengetahuan di kampus dan menjalani latihan industri.

Katakanlah, graduan berkeupayaan untuk men-

cipta sesuatu yang baharu. Dengan bekerja sebagai pereka fesyen, graduan mampu untuk menghasilkan satu reka cipta pakaian yang menarik minat serta mendapat sambutan daripada penggemar fesyen di negara ini. Maka, reka cipta ini telah membuktikan kebolehan dan keupayaan yang dimiliki graduan.

Mencari kepuasan

Terdapat individu yang bekerja semata-mata untuk mencari kepuasan dalam hidupnya. Dia akan berasa puas dengan tugas yang dilakukan, walaupun kadangkala pendapatan yang diperolehi tidak seberapa.

Lazimnya, individu akan melakukan pelbagai cara untuk mencari kepuasan bekerja, namun apa yang penting baginya adalah dapat melaksanakan tugas tersebut dengan sebaik mungkin. Terdapat juga individu yang suka bertukar kerja daripada satu organisasi ke satu organisasi kerana ingin mencari dan mencuba sesuatu yang baharu bagi mendapat kepuasan kerja sebenar.

Ramai juga yang suka bekerja sehingga lewat malam kerana berasa puas apabila berbuat demikian. Kepuasan itu berkait rapat dengan peningkatan nilai harga diri, malah sesuatu yang amat bernilai kepada mereka. Apakah mungkin bakal graduan juga begitu?